



سَكُونُوا لَنَا بِرَأْفَةٍ وَلَا تَنْتَكِرُوا لَنَا بِالْقُرْآنِ

SEKOLAH BERASRAMA PENUH INTEGRASI BATU RAKIT
21020 KUALA NERUS, TERENGGANU
TELEFON : 09 6693769/7916 FAX : 09-6695911
Emel : sbpibr@yahoo.com



Rujukan kami : SBPIBR 02/02/005 Jld 3 ()
Tarikh : 8 OGOS 2017

Pengetua
Sekolah-sekolah Berasrama Penuh Zon Timur
Kementerian Pendidikan Malaysia

PROGRAM BICARA KECEMERLANGAN PELAJAR PROJEK KHAS SEKOLAH BERASRAMA PENUH (SBP) TAHUN 2017

Dengan hormatnya, perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Batu Rakit telah dilantik oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan (BPSBPSK), Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai pengelola Program Bicara Kecemerlangan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) Peringkat Zon Timur bagi tahun 2017 seperti maklumat berikut :

Tarikh : 12 September 2017 (Selasa)
Tempat : SBP Integrasi Batu Rakit, Kuala Nerus, Terengganu
Pendaftaran : 9.00 pagi hingga 10.00 pagi (Dewan Al-Falah)

3. Sehubungan dengan itu, tuan diminta untuk menghantar 5 (lima) orang murid tingkatan 3 berstatus projek khas dan seorang guru pengiring sekolah tuan. Bersama-sama ini disertakan beberapa lampiran untuk perhatian dan tindakan pihak tuan :

3.1 Borang Penyertaan Pelajar / Penginapan (Sekiranya perlu) : Lampiran 1
3.2 Tentatif Program : Lampiran 2
3.3 Surat Kebenaran Ibu Bapa atau Penjaga : Lampiran 3
3.4 Borang Alahan : Lampiran 4

4. Untuk makluman, penginapan disediakan bagi yang memerlukan. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi :

Pn Mariam binti Musa (PK HEM) 013-9868231
Pn Fatin Hamamah binti Mat Nor (Setiausaha Program) 019-2819323
Cik Norhasnida binti Ramli (Pen. Setiausaha Program) 014-8141833

5. Tuan / Puan juga dimohon menghantar senarai nama peserta dan guru dengan kadar segera iaitu sebelum 21 Ogos 2017 melalui faksimili ditalian 09-6695911 atau melalui email


sbpibr@yahoo.com (u.p : Pn Fatin Hamamah binti Mat Nor). Borang Kebenaran Ibu Bapa atau Penjaga dan Borang Alahan Makanan (lampiran 3 dan 4) dibawa bersama oleh peserta semasa pendaftaran .

6. Kerjasama dan sokongan pihak tuan dalam menjayakan program ini didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


.....
HJH. HAMDAH BINTI HUSSIN
Pengetua Cemerlang
SBP Integrasi Batu Rakit,
Kuala Nerus,
Terengganu.